

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TUAN RAMLI BIN DATO' MOHD NOR
[CAMERON HIGHLANDS]**

SOALAN

TUAN RAMLI BIN DATO' MOHD NOR [CAMERON HIGHLANDS] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah langkah yang dilakukan oleh pihak Kementerian untuk menjadikan Cameron Highlands sebagai bandar pelancongan yang terbesar di Malaysia seperti bandar-bandar pelancongan tanah tinggi yang tersohor di dunia

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) telah merangka Dasar Pelancongan Negara (DPN) 2020-2030 yang mengandungi strategi-strategi utama bagi mengembalikan daya saing industri pelancongan negara di peringkat dunia. DPN menggariskan agenda transformasi yang memfokuskan pada usaha-usaha meningkatkan pendapatan negara, menggalakkan kerjasama dan pelaburan, memperkasa masyarakat setempat serta mengukuhkan daya tahan dan kemampanan industri pelancongan negara.
2. Menerusi DPN 2020-2030 juga, tumpuan akan diberikan kepada pelancongan lestari dan peningkatan pendapatan pelancongan yang merupakan indikator yang lebih memberi impak kepada ekonomi negara dengan fokus kepada *high yield tourists*. MOTAC turut berhasrat untuk menjadikan Malaysia sebagai '*Top of The Mind Ecotourism Destination of the World*' memandangkan negara ini merupakan antara 17 buah negara yang dikenali sebagai negara megadiversiti kerana kekayaan dan kepelbagaian flora dan fauna.
3. Bagi tujuan tersebut, ekopelancongan telah menjadi salah satu fokus utama MOTAC terutamanya dalam merencanakan pelancongan domestik. Ini adalah selaras dengan Pelan Ekopelancongan Kebangsaan (NEP) 2.0 2020-2030 yang menggariskan strategi-strategi dan pelan tindakan bagi memastikan kelestarian produk ekopelancongan kekal mampan.
4. Di bawah NEP 2.0, daerah Cameron Highlands adalah merupakan salah satu daripada lapan (8) kluster ekopelancongan yang dikenalpasti di negeri Pahang, iaitu kluster Cameron Highlands – Lojing. Pelbagai produk pelancongan telah dikenalpasti di sepanjang kluster ini yang boleh dibangun dan dipromosikan secara bersepadu bagi menggalakkan pelancong untuk tinggal lebih lama dan berbelanja lebih banyak. Di kawasan ini misalnya, terdapat banyak produk ekopelancongan yang telah

dikenalpasti seperti Gunung Brinchang, Hutan Mossy, Ladang Teh Bharat, Hutan Lipur Parit Fall, Lembah Kaktus dan sebagainya.

5. Pembangunan kluster ekopelancongan ini akan dipantau oleh *Destination Coordination Group* yang diterajui oleh Exco Pelancongan Negeri Pahang yang bertanggungjawab merancang serta melaksanakan pembangunan produk ekopelancongan secara holistik merangkumi pelancongan berasaskan komuniti (*Community Based Tourism – CBT*) yang memberi manfaat kepada kesejahteraan komuniti setempat dan penjana ekonomi. Ini termasuklah penglibatan pengusaha inap desa di bawah Program Pengalaman Homestay Malaysia. Untuk makluman, pada masa ini, seramai 11 orang pengusaha inap desa di bawah Program ini beroperasi di Cameron Highlands.

6. Selain itu, MOTAC juga telah diperuntukkan sebanyak RM250,000 di bawah *Rolling Plan* Pertama, Rancangan Malaysia Ke-12 untuk projek Menaiktaraf Kemudahan Pelancongan, Wakaf dan Laluan Pejalan Kaki Dalam Kawasan Hutan Lipur Parit Fall, Cameron Highlands.

7. Dalam usaha menggalakkan pelancongan di seluruh negara termasuklah Cameron Highlands, MOTAC melalui Tourism Malaysia melaksanakan pelbagai aktiviti promosi seperti:

- (i) melaksanakan Kempen Pakej Cuti Penjawat Awam dan Pesara Kerajaan sempena kempen Cuti-Cuti Malaysia yang menyasarkan 1.2 juta ahli CUEPACS dan 700,00 pesara Kerajaan untuk melancong di dalam negara. Sebanyak 457 pakej dibangunkan membabitkan produk pelancongan dari seluruh Malaysia dengan tawaran harga pakej serendah RM120 seorang. Antara pakej yang ditawarkan adalah *Cameron Highlands Day Trip*, *Cameron Highlands 2D 1N Packages*, *Full Day Tour Cameron Highlands* dan juga pakej istimewa untuk penginapan;

NO. SOALAN : 332

- (ii) penyertaan dalam Pameran MATTA Fair pada 20-21 November 2021 di mana Pavilion Tourism Malaysia dijadikan sebagai pusat penjualan pakej-pakej percutian domestik seperti di Cameron Highlands oleh agensi-agensi pelancongan tempatan;
- (iii) bekerjasama dengan Kerajaan Negeri khususnya Tourism Pahang dalam menjayakan siri *Familiarization Trip (Fam Trip)* ke produk dan destinasi pelancongan di Cameron Highlands. Siri lawatan ini akan melibatkan penyertaan daripada agensi pelancongan, kumpulan media, kru penggambaran televisyen serta personaliti media sosial (*bloggers, youtubers and influencers*);
- (iv) memuatnaik risalah-risalah digital yang mempromosikan Cameron Highlands ke platform E-risalah Tourism Malaysia bagi meningkatkan kesedaran dan penyebaran maklumat produk kepada orang awam. Maklumat mengenai produk dan acara pelancongan turut dipromosi oleh Tourism Malaysia kepada pelancong dalam dan luar negeri melalui kerjasama dengan tujuh (7) buah pejabat Tourism Malaysia negeri di dalam negara dan 30 buah pejabat Tourism Malaysia di luar negara; dan
- (v) meningkatkan promosi Cameron Highlands di pasaran antarabangsa melalui penyertaan di pameran-pameran pelancongan antarabangsa, program-program lawatan suai kenal (*MegaFam*), promosi acara-acara pelancongan Cameron Highlands, penciptaan kandungan media digital (*digital contents*) serta promosi segmen minat khas (*niche*) seperti *bird watching* di Cameron Highlands menerusi bengkel-bengkel pembangunan pakej.

8. Bagi membantu pengusaha-pengusaha pelancongan yang ingin membangunkan atau mengembangkan produk-produk pelancongan di Cameron Highlands seperti premis penginapan pelancongan, kemudahan-kemudahan dan lain-lain projek berkaitan yang diklasifikasikan sebagai projek pelancongan, MOTAC telah menawarkan beberapa insentif kepada penggiat industri. Antaranya adalah Skim Infrastruktur Pelancongan (SIP) yang diuruskan oleh Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB) dan Tabung Khas Pelancongan (TKP) 2.0 yang diuruskan oleh *Small Medium Enterprise Development Bank* Malaysia Berhad (SME Bank).

9. Kementerian sentiasa mengalu-alukan sebarang usaha untuk mengangkat sesuatu kawasan yang berpotensi tinggi sebagai destinasi pelancongan terutama dalam mendepani cabaran post-pandemik COVID-19. MOTAC juga akan meneruskan kerjasama baik dengan Kerajaan Negeri Pahang dalam membangun atau memperluaskan sektor pelancongan di Cameron Highlands.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : DATO' SRI HAJAH ROHANI BINTI HAJI
ABDUL KARIM [BATANG LUPAR]**

SOALAN

DATO' SRI HAJAH ROHANI BINTI HAJI ABDUL KARIM [BATANG LUPAR] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bagaimana Kementerian menangani isu berkenaan dengan individu yang enggan divaksin dan tidak dibenarkan untuk bekerja serta aktiviti sosial lain yang kemudiannya melabelkan Malaysia sebagai negara diskriminasi yang meniadakan hak peribadi mereka untuk tidak divaksin.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Penerimaan vaksin COVID-19 pada masa ini adalah secara sukarela. Berdasarkan penerimaan vaksin lengkap yang memberangsangkan. Sehingga 8 Disember 2021, jumlah keseluruhan penduduk Malaysia yang telah menerima vaksinasi lengkap adalah 79.3%. Bagi penduduk dewasa berumur 18 tahun ke atas, kadar liputan vaksinasi bagi dos lengkap adalah sebanyak 97.2% manakala bagi golongan remaja berumur 12 hingga 17 tahun adalah 86.7%. Buat masa ini, Kerajaan masih belum mewajibkan suntikan vaksin COVID-19 ke atas seluruh rakyat Malaysia. Sehubungan dengan itu, tiada tindakan perundangan dan penguatkuasaan yang boleh diambil ke atas individu yang enggan menerima vaksin. Walau bagaimanapun, individu yang layak menerima vaksin tetapi enggan menerimanya dihalang daripada melakukan beberapa aktiviti yang dibenarkan bagi individu yang telah lengkap divaksin berdasarkan SOP yang sedang berkuat kuasa ketika ini.
2. Di peringkat tempat kerja pula, majikan boleh mewajibkan pekerja untuk lengkap vaksinasi sebelum dibenarkan untuk kembali bekerja, bagi melindungi semua pekerja mereka dari risiko mengalami penyakit COVID-19 yang teruk sekiranya dijangkiti.
3. Bagi pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan, Jabatan Perkhidmatan Awam mewajibkan pengambilan vaksin melalui arahan pentadbiran, dan pegawai awam yang masih belum mengambil suntikan vaksin selepas 1 November 2021 tanpa mendapatkan pengecualian daripada pegawai perubatan kerajaan, boleh dikenakan tindakan tatatertib.
4. Kerajaan memberikan pelbagai kemudahan kepada penerima vaksin lengkap, seperti dibenarkan untuk merentas negeri, makan di restoran dan melakukan aktiviti sukan, rekreasi dan pelancongan tertentu. Tindakan ini sama sekali bukan untuk mendiskriminasi atau menidakkan hak individu yang enggan divaksin. Data surveilan COVID-

19 menunjukkan individu yang tidak divaksin adalah lebih berisiko untuk mengalami penyakit COVID-19 kategori 3, 4 dan 5, berbanding individu yang telah divaksin. Maka, kemudahan dan kelonggaran yang diberikan hanya kepada individu yang telah lengkap divaksin adalah bagi melindungi individu yang tidak divaksin dari risiko mengalami komplikasi penyakit COVID-19 yang teruk sekiranya mereka dijangkiti.

5. Kerajaan melaksanakan pelbagai inisiatif bagi memudahkan penerimaan vaksin oleh masyarakat dengan menjalankan aktiviti *outreach* ke kawasan kampung dan pedalaman, serta menjalankan aktiviti pemberian suntikan vaksin di rumah bagi individu yang terlantar. Pemberian vaksin juga dilaksanakan secara *walk-in* di beberapa kawasan. Bagi industri dengan tenaga kerja yang besar, pemberian vaksin dilaksanakan di tempat kerja.

6. Kerajaan juga menggunakan vaksin satu dos seperti vaksin CanSino bagi memudahkan capaian vaksin yang menyeluruh kepada masyarakat terutama di kawasan pedalaman dan pulau, perkampungan Orang Asli, pendatang tanpa izin (PATI), Pusat Tahanan Imigresen dan penjara. Inisiatif ini jelas menunjukkan bahawa tiada individu yang didiskriminasi dari menerima vaksin COVID-19.

7. Aktiviti libat urus (*engagement*), promosi dan pendidikan kesihatan bersama masyarakat turut digiatkan, agar penerangan dapat diberikan bagi menjelaskan sebarang kemusykilan dan kekeliruan. Aktiviti libat urus dengan ketua komuniti seperti Tok Batin, penghulu, ketua kampung atau wakil penduduk dilaksanakan bagi membantu menyakinkan penduduk setempat mengenai kepentingan pengambilan vaksin COVID-19.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI HAJAH ROHANI BINTI HAJI
ABDUL KARIM (BATANG LUPAR)**

SOALAN

DATO' SRI HAJAH ROHANI BINTI HAJI ABDUL KARIM minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan keperluan untuk IPG di Sarawak menyediakan program latihan pendidikan bagi melahirkan guru mahir yang yang boleh memenuhi keperluan khas pelajar di luar bandar memandangkan sebanyak 1,214 sekolah di negeri ini dikelaskan sebagai sekolah luar bandar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menyediakan program latihan perguruan praperkhidmatan di semua 27 buah kampus Institut Pendidikan Guru (IPG), termasuk empat kampus di Sarawak. Program pendidikan yang ditawarkan di IPG mengambil kira semua keperluan murid termasuk di bandar mahupun di luar bandar. Perkara ini dapat memastikan semua guru keluaran IPG dilengkapi dengan pengetahuan dan kemahiran tinggi bagi memastikan perkhidmatan terbaik disampaikan walau di mana sahaja mereka ditempatkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelajar IPG dilatih dengan kemahiran pedagogi yang sesuai untuk murid luar bandar seperti kemahiran melaksanakan pembelajaran terbeza dan pendekatan pengajaran kelas bercantum dalam kursus Pedagogi.

Selain itu, semua pelajar IPG wajib mengikuti kursus Budaya dan Pembelajaran. Hal ini bagi memastikan mereka mendalami konsep pendidikan untuk semua dan pemupukan integrasi nasional dalam persekitaran kepelbagaian sosiobudaya di sekolah. Kursus ini merangkumi pendidikan bagi kumpulan minoriti, pendidikan inklusif dan pendidikan di sekolah kurang murid.

KPM sentiasa komited dalam menyediakan guru yang mahir dan dapat memenuhi keperluan murid sama ada di bandar atau luar bandar.